

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Isu pencemaran alam sekitar mampu diatasi menerusi _____ kempen kesedaran yang efektif.

A penganjur	C menganjuri
B menganjur	D penganjuran
- Pencemaran akan meninggalkan kesan jangka panjang _____ kehidupan manusia dan alam sekitar.

A pada
B untuk
C kepada
D daripada

Soalan 3

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Kerajaan menyediakan dana khas untuk pengamal industri yang mempraktikkan amalan hijau. Tiada kesalahan.

A	B
C	D

Ulasan Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 7 Jawapan pilihan yang paling sesuai ialah B: III dan IV sahaja. Dalam ayat I dan II, kata *sebak* tidak sesuai digunakan. Kata *sebak* dalam ayat III bermaksud digenangi air mata. Kata *sebak* dalam ayat IV bermaksud penuh dan banyak airnya.

Soalan 4 – 5

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- Pertanian bandar dan Program Bumi Hijau pada dasarnya ialah untuk memanfaatkan kawasan kosong di sekeliling rumah.

A ialah memanfaatkan kawasan kosong
B adalah memanfaatkan kawasan kosong
C adalah untuk memanfaatkan kawasan kosong
D ialah untuk memanfaatkan kawasan kosong
- Kitar semula sangat penting kerana dapat menjimatkan penggunaan sumber semula jadi di samping dapat menjamin kebersihan alam sekitar.

A jimat penggunaan sumber semula jadi
B menjimat gunaan sumber semula jadi
C menjimatkan gunaan sumber semula jadi
D menjimatkan penggunaan sumber semula jadi

Soalan 6

Pilih ayat-ayat yang betul.

- | |
|---|
| I Matlamat utama Kempen Bumi Hijau ialah untuk menggalakkan rakyat bercucuk tanam. |
| II Bahan kimia yang terkandung dalam polistirena boleh meningkatkan kadar pemanasan global. |
| III Kebelakangan ini, alam sekitar semakin tercemar. |
| IV Pihak kerajaan harus memainkan peranan penting untuk membendung masalah pencemaran alam sekitar. |

A I dan II sahaja	C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja	D II, III dan IV sahaja